

EDISI JULAI-SEPTEMBER 2023

KUALITI




eISSN 2976-2596



9772976259003

Taklimat Persediaan Auditee PTJ Audit Dalam Korporat UiTM

Disediakan oleh : Cik Noor Azwani Asyikin Samad




Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Persediaan Auditee PTJ bagi Audit Dalam Korporat UiTM Bil. 04/2023 pada 24 Ogos 2023 melalui platform zoom meeting. Tema Audit Dalam Korporat bagi tahun 2023 adalah 'Budaya Kerja Berkualiti.' Penceramah bagi sesi taklimat ini adalah Prof. Madya Sr Dr Kartina Alauddin iaitu Ketua Sistem Audit Korporat dari UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah sebagai persediaan kepada PTJ yang akan diaudit pada 20-21 September 2023 dan 3-4 Oktober 2023. Taklimat ini berkaitan dengan keperluan dan dokumentasi yang perlu disediakan oleh semua PTJ di bawah seliaan Naib Canselor UiTM. Sebanyak 14 PTJ yang akan terlibat dalam siri Audit Dalam Korporat Bil. 04/2023 iaitu:

1. Pejabat Am Naib Canselor
2. UiTM Global
3. Institut Pengajian Siswazah (IPSiS)
4. Bahagian Hal Ehwal Akademik
5. Bahagian Pengambilan Pelajar & Pra Pendidikan Tinggi
6. Ibu Pejabat Polis Bantuan
7. Unit Pengurusan Risiko
8. Pejabat TNC Penyelidikan dan Inovasi
9. Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)
10. Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
11. Bahagian Transformasi Universiti
12. Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni
13. Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD)
14. Jabatan Komunikasi

Penceramah telah memberikan sesi perkongsian yang ringkas dan padat dengan informasi yang berguna kepada Ketua Pentadbiran PTJ yang terlibat. Seramai 35 peserta yang telah menghadiri sesi taklimat ini. Antara intipati taklimat adalah fokus audit pada kali ini masih lagi mengekalkan konsep 5P iaitu Promosi, Penambahbaikan, Partnership, Pematuhan dan Pelaporan. Panduan Audit Dalam pula adalah meliputi Proses Kerja, Objektif Kualiti, Perancangan Strategik, Pengurusan Risiko, Manual Kualiti PTJ, Laporan Maklumbalas Pelanggan dan Dokumentasi ISO 9001:2015.

Dengan menyertai sesi taklimat ini diharap agar Ketua Pentadbiran PTJ mampu menyediakan dokumentasi yang baik dan lengkap serta memenuhi standard yang telah ditetapkan.



KUALITI



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

2023. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor

eISSN 2976-2596

